

Jumlah yang menganggur dijangka meningkat ekoran keadaan ekonomi tidak banyak berubah

**200,000 graduan gagal dapat kerja**

**POH** – Kira-kira 200,000 graduan di negara ini masih gagal mendapatkan pekerjaan berikutan peluang kerja yang agak terhad sejak dua tahun lalu.

Jumlah graduan menganggur ini dijangka bertambah berikutan keadaan ekonomi negara yang dilihat tidak banyak berubah sehingga awal tahun depan.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan

Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan (**gambar kecil**) berkata, angka berkenaan akan meningkat jika dicampur dengan jumlah graduan yang bakal menamatkan pendidikan mereka pada tahun ini.

Menurut beliau, antara faktor berlakunya pengangguran termasuk langkah kerajaan mengambil pendekatan memberhentikan pengambilan pekerja pada tahun ini sekali gus menutup peluang kira-kira 13,000 hingga 15,000 pekerjaan di sektor awam.

“Peluang pekerjaan di sektor swasta juga agak terkekang kerana ekonomi tidak menentu dan kebanyakan syarikat lebih selesa mengambil pendekatan tunggu dan lihat.

“Langkah sektor swasta meningkatkan umur persaraan sejak dua tahun lalu turut



SEBAHAGIAN daripada graduan yang hadir pada Pameran Kerjaya Berasaskan Sektor di Rompin, Pahang pada Ogos lalu. – Gambar hiasan.

menyebabkan proses menggantikan pekerja baharu perlahan,” katanya di sini semalam.

Beliau bagaimanapun mengakui, sebilangan besar kelompok graduan menganggur ini terdiri daripada mereka yang lemah dalam bahasa Inggeris.

“Cara penampilan sebahagian mereka yang datang dari kawasan pedalaman turut menyumbang kepada faktor ini.

“Ini akan menimbulkan banyak masalah sosial sebenarnya,” katanya.

Sementara itu, laporan Perangkaan Utama Tenaga Buruh Malaysia menunjuk-

kan terdapat peningkatan sebanyak 10,000 penganggur pada bulan Julai atau sebanyak 2.2 peratus berbanding bulan Jun tahun ini.

Menurut laporan berkenaan, terdapat kira-kira 460,000 penganggur pada bulan Julai berbanding kira-kira 450,000 pada Jun lalu.

Laporan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Perangkawan, Jabatan Perangkaan Malaysia itu menunjukkan, jumlah penganggur di Malaysia meningkat 16.7 peratus pada tahun ini berbanding hanya 394,000 penganggur pada bulan sama tahun lepas.

## MyRezekiFest tawar 3,000 kerja kosong di Perak

**IPOH** – Lebih 3,000 peluang pekerjaan ditawarkan terutama kepada golongan belia lepasan sijil dan diploma pada program MyRezekiFest dan Karnival Mini Kemahiran 2015 yang berlangsung di Dewan Jubli Perak, Kuala Kangsar semalam.

Program sehari anjuran Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) negeri Perak dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja (Jobs Malaysia) dan Pusat Kerjaya Amanjaya (PeKA) itu dirasmikan Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad.

Pengarah Kemas negeri Perak, Ahmad Kamal Idris Mohd Nawawi berkata, MyRezekiFest dan Karnival Mini Kemahiran itu adalah di bawah Program Transformasi Belia Luar Bandar.

Beliau berkata, program itu menyasarkan golongan belia dan menawarkan peluang pekerjaan, pendidikan, latihan serta pembiayaan keusahawanan.

“Program ini adalah platform terbaik bagi golongan belia untuk dipertemukan dengan tiga jenis agensi iaitu Agensi ‘Career Matching’, Agensi Keusahawanan

serta Agensi Pendidikan dan Latihan Kerjaya,” katanya di sini semalam.

Ahmad Kamal Idris berkata, sejumlah 20 majikan menyertai program berkenaan antaranya Animation Theme Park Sdn. Bhd.; Azam Achievers; Murata Electronic; Imperial Garment Sdn. Bhd.; Trendcell Sdn. Bhd.; Hume Cement; Padini Holdings Bhd. dan McDonald’s Malaysia Golden Arches Restaurants Sdn. Bhd.

Beliau berkata, kesemua jawatan ditawarkan secara pengambilan terus. – Bernama.